

**KESAN PENGGUNAAN OBJEK *TALENTED* TERHADAP
MINAT DAN KEFAHAMAN MURID TAHUN TIGA
DALAM TOPIK PENYERAPAN DI KUCHING**

Wong Leh King
IPG Kampus Batu Lintang, Kuching Sarawak
lehkingwong1994@yahoo.com
Encik Ding anak Giri
Jabatan Hal Ehwal Pelajar IPG Kampus Batu Lintang, Kuching Sarawak

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini bertujuan untuk meninjau kesan penggunaan Objek *Talented* terhadap minat dan kefahaman tiga orang murid Tahun Tiga dalam subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”. Data dalam penyelidikan tindakan ini dikumpulkan melalui pemerhatian, nota lapangan, temu bual dan lembaran kerja murid. Data analisis dibuat dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan kaedah deskriptif. Penyemakan data dilakukan dengan menggunakan triangulasi kaedah, penyelidikan dan masa untuk meningkatkan kesahan hasil kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Objek *Talented* dapat meningkatkan minat dan kefahaman tiga orang murid dalam subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”. Objek *Talented* boleh diperluaskan penggunaannya dalam amalan mengajar kerana ia dapat mendatangkan banyak kesan positif.

Kata kunci : Objek *Talented*, murid Tahun Tiga, minat, kefahaman, Sains

ABSTRACT

This action research was conducted to study the effect of using Talented Objects on the interest and understanding of three Year Three students in the subtopic “Importance of Absorption In Daily Life”. The data of this study was collected by using observation, field notes, interviews and student’s worksheets. The data were analysed through content analysis and descriptive analysis. Data was checked by using method, researcher and time triangulations to enhance the validity of the findings of this study. The results of the study showed that the use of Talented Objects was effective in increasing student’s interest and understanding in the subtopic “Importance of Absorption In Daily Life”. The use of Talented Objects could be implemented in teaching Science subject to enhance students’s learning.

Keywords : Talented Objects, Year Three students, interest, understanding, Science

PENGENALAN

Saya merupakan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang dari Program Ijazah Sarjana Muda (PISMP) Sains Jun 14 telah menjalani pratikum Fasa 1 dan Fasa 2 di dua buah sekolah yang berlainan di sekitar bandar Kuching. Mata pelajaran yang telah saya ajar ialah Sains sebagai subjek major.

Saya telah mengajar mata pelajaran Dunia Sains dan Teknologi Tahun Tiga semasa menjalani pratikum Fasa 1 dan Fasa 2. Pada pratikum Fasa 1, saya telah menggunakan slaid *powerpoint* untuk mengajar murid dalam subtopik "Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari". Murid-murid telah melibatkan diri secara aktif dan menumpu perhatian terhadap pengajaran saya dengan tertarik kepada animasi-animasi yang ditunjukkan dalam slaid *powerpoint*.

Sehubungan itu, saya juga menggunakan BBM yang sama sewaktu menjalani pratikum Fasa 2. Melalui pemerhatian saya dapati, dua puluh empat orang murid telah tertarik kepada animasi-animasi yang ditunjukkan dalam slaid *powerpoint*. Namun, saya telah mengesan tiga orang murid melibatkan diri secara pasif dalam proses PdP. Antara tingkah laku yang telah ditunjukkan oleh mereka adalah berbual-bual dengan rakan sebaya dan tidak menumpu perhatian terhadap pengajaran saya.

Mengimbas kembali proses PdP, saya mendapati bahawa saya terlalu terikat terhadap sejenis penyampaian isi kandungan sahaja semasa sesi PdP berlangsung. Murid-murid mempunyai perbezaan dari aspek gaya pembelajaran. Justeru, saya perlu menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran murid untuk mengatasi masalah mereka yang telah dikenalpasti.

Seseorang guru harus sentiasa peka terhadap keperluan murid-murid seperti yang dinyatakan dalam Teori Humanistik. Seseorang perlu mencapai keperluan primer terlebih dahulu sebelum mencapai keperluan sekunder seterusnya dengan motivasi yang tinggi. Menurut Aliza Ali & Shrifah Nor Puteh (2011), proses pembelajaran harus berasaskan keperluan dan minat kanak-kanak.

Menurut kajian Utibe-Abasi S.Stephen (2016), penggunaan objek maujud boleh memberi pengalaman secara langsung kepada seseorang. Murid boleh berinteraktif dengan bahan-bahan konkrit supaya mereka boleh mengingat dan memahami sesuatu konsep sains dengan lebih mudah.

Justeru, saya menjalankan kajian tindakan dengan menggunakan Objek *Talented* untuk membantu tiga orang murid Tahun Tiga bagi meningkatkan minat dan mengukuhkan kefahaman mereka dalam proses pembelajaran.


Pengumpulan Data Awal

Minat Murid Terhadap Subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”

a) Pemerhatian



Rajah 1. Murid A sedang berbual-bual dengan rakan sebaya di sebelahnya.



Rajah 2. Senario kelas semasa proses PdP berlangsung.



Rajah 3. Murid C tidak menumpu perhatian semasa proses PdP dijalankan.

Melalui pemerhatian saya dan gambar-gambar yang telah ditangkap oleh rakan pengajaran saya, ia adalah jelas menunjukkan bahawa ketiga-tiga orang murid adalah kurang berminat terhadap proses PdP dengan hanya penggunaan slaid *powerpoint* sahaja. Mereka berasa bosan, tidak menumpu perhatian dan kurang melibatkan diri dalam proses PdP.

b) Nota Lapangan

Cikgu Wong telah menggunakan slaid *powerpoint* semasa proses PdP sains berlangsung di dalam kelas. Terdapat tiga orang murid iaitu murid A, B dan C telah tidak menumpu perhatian dan kurang melibatkan diri dalam proses PdP. Murid A dan murid B telah berbual-bual dengan rakan sebaya mereka. Mereka kurang bermotivasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Manakala, murid C pula tidak menumpu perhatian di dalam kelas. Dia kurang bersemangat untuk belajar dalam proses PdP. Pengajaran Cikgu Wong boleh mendatangkan kebosanan murid disebabkan murid hanya duduk sahaja sambil mendengar semasa proses PdP berlangsung. Pengajarannya lebih cenderung kepada pengajaran berpusatkan guru.

Petunjuk:

■ Kurang berminat

Rajah 4. Transkrip nota lapangan yang dicatat oleh rakan pengajaran saya

Berdasarkan Rajah 4, ia adalah jelas melihat bahawa terdapat beberapa tingkah laku murid yang telah dikenal pasti iaitu tidak menumpu perhatian, kurang melibatkan diri, berbual-bual dengan rakan sebaya, kurang bermotivasi dan kurang bersemangat untuk belajar. Kesemua masalah tingkah laku ini telah jelas menunjukkan bahawa murid kurang berminat terhadap proses PdP yang dijalankan di dalam kelas.

c) Temu bual Murid

Soalan 1 : Adakah kamu suka akan slaid <i>powerpoint</i> yang ditunjukkan oleh cikgu?
Murid A : Tidak.
Murid B : Tidak.
Murid C : Tidak berapa suka.
Soalan 2 : Mengapa kamu tidak suka akan slaid <i>powerpoint</i> yang ditunjukkan oleh cikgu?
Murid A : Cikgu asyik menggunakan <i>powerpoint</i> di dalam kelas.
Murid B : Saya berasa bosan.
Murid C : Saya lebih suka bergerak.

Rajah 5. Transkrip temu bual ketiga-tiga orang murid Tahun Tiga sebelum intervensi dijalankan

Berdasarkan Rajah 5, saya telah mendapati bahawa ketiga-tiga orang murid Tahun Tiga tidak berminat terhadap proses PdP yang dijalankan. Mereka berasa bosan terhadap pengajaran saya dengan asyik menggunakan slaid *powerpoint* sahaja di dalam kelas tanpa menjalankan aktiviti pembelajaran yang lebih menarik.

Kefahaman Murid Terhadap Subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”

a) Lembaran Kerja

姓名: _____ 日期: 2017/11

单元: 吸水性

(A) 完成以下的图表。(4分)

可以吸水		
物体	材料	用途
1.	布	抹桌子
2.	棉花	挖耳朵

3. 除了以上的例子, 试写出两个可以吸水的物体在日常生活中的用途。(4分)

(B) 完成以下的图表。(4分)

不能吸水		
物体	材料	用途
1.	塑料	装水
2.	铁	吃东西

3. 除了以上的例子, 试写出两个不能吸水的物体在日常生活中的用途。(4分)

2/7

Rajah 6. Hasil lembaran kerja murid B Tahun Tiga bagi subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”.

Berdasarkan Rajah 6, murid B berupaya menjawab soalan 1 dan 2 dalam bahagian A dan B dengan memberi bahan dan contoh kegunaan yang sesuai berdasarkan gambar yang ditunjukkan. Namun, dia telah menganggap bahawa kapas bunga merupakan bahan yang menyerap air. Dia juga tidak dapat menjawab soalan 3 dalam bahagian A dan B dengan memberi contoh yang sesuai dan kegunaannya.

Jadual 1

Markah yang diperolehi oleh ketiga-tiga orang murid Tahun Tiga dalam lembaran kerja yang berasaskan soalan subjektif

Murid	Markah		Jumlah Markah
	Bahagian A	Bahagian B	
Murid A	6/8	3/8	9/16
Murid B	3/8	4/8	7/16
Murid C	4/8	4/8	8/16

Berdasarkan Jadual 1, jumlah markah yang diperolehi oleh murid A adalah lebih tinggi daripada murid B dan C dalam lembaran kerja yang diedarkan. Namun, tahap pencapaian ketiga-tiga orang murid adalah kurang memuaskan. Mereka masih tidak menguasai konsep sains iaitu bahan menyerap air dan bahan kalis air serta kurang mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari dengan memberi contoh dan kegunaan yang sesuai.

b) Temu bual Murid

Berdasarkan Rajah 7, ia adalah jelas melihat bahawa ketiga-tiga orang murid masih tidak berupaya menguasai dan memahami isi kandungan bagi subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”. Mereka tidak dapat mengaplikasikan konsep sains yang dipelajari iaitu bahan menyerap air dan bahan kalis air dengan memberi contoh dan kegunaan yang sesuai.

Soalan 1	: Adakah kamu faham apa yang telah diajar oleh cikgu bagi subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”?
Murid A	: Tidak faham.
Murid B	: Saya tidak faham.
Murid C	: Tidak faham.
Soalan 2	: Senaraikan tiga jenis bahan yang boleh menyerap air.
Murid A	: Err.....Kapas dan kain.
Murid B	: Saya rasa kain dan kayu.
Murid C	: Kapas bunga dan kain.
Soalan 3	: Apakah objek yang diperbuat daripada bahan-bahan yang disebut tadi?
Murid A	: (Tidak memberi jawapan.)
Murid B	: Kain.
Murid C	: Kapas.
Soalan 4	: Mengapakah objek-objek tersebut penting dalam kehidupan sehari-hari?
Murid A	: (Tidak memberi jawapan.)
Murid B	: Kain boleh menyerap air.
Murid C	: Kapas boleh menyerap air.
Soalan 5	: Senaraikan tiga jenis bahan yang kalis air.
Murid A	: Plastik.
Murid B	: Logam.
Murid C	: Plastik.
Soalan 6	: Bagaimanakah bahan-bahan tersebut boleh dikaitkan dalam kehidupan sehari-hari?
Murid A	: (Senyum sahaja tanpa memberi jawapan.)
Murid B	: Ia tidak menyerap air.
Murid C	: Boleh menyimpan barang.

Rajah 7. Transkrip temu bual yang diberikan oleh ketiga-tiga orang murid sebelum intervensi dijalankan

FOKUS KAJIAN

Isu-isu keprihatinan yang dikenal pasti iaitu minat dan kefahaman tiga orang murid Tahun Tiga dalam subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”. Fokus kajian saya telah dipilih berdasarkan enam kriteria iaitu kebolehtadbiran, kepentingan, kebolehgunaan, kawalan, kolaborasi dan kerelevanan kepada sekolah.

Dari aspek kebolehtadbiran, saya telah memilih dan menetapkan instrumen-instrumen seperti pemerhatian, nota lapangan, lembaran kerja dan temu bual murid untuk mengumpul dan menganalisis data bagi mengkaji minat dan kefahaman murid

terhadap subtopik tersebut. Saya juga menetapkan objektif dan soalan kajian secara spesifik serta menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan Objek *Talented* sebelum mengajar subtopik tersebut.

Dari aspek kepentingan pula, masalah yang dikenal pasti diharapkan dapat diatasi supaya objektif dan soalan kajian yang ditetapkan dapat dicapai. Dapatan kajian yang diperolehi boleh dikongsi dengan guru-guru di sekolah bagi mata pelajaran lain. Selain itu, Objek *Talented* juga boleh digunakan dalam topik lain seperti “Sifat Bahan” Sains Tahun Empat.

Lantaran itu, saya telah memilih tiga orang murid Tahun Tiga sebagai peserta kajian dan menggunakan subtopik yang sama untuk menjalankan kajian tindakan saya. Saya juga menggunakan instrumen-instrumen yang sama untuk mengumpul dan menganalisis data awal kajian dan data kesan tindakan, soalan-soalan subjektif yang dibentuk dalam lembaran kerja sebelum dan selepas tindakan dijalankan adalah seiras dan murid menjawab soalan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Saya telah berkolaborasi dengan rakan pengajaran saya untuk membantu pengambilan gambar-gambar dan menganalisis kandungan gambar murid. Guru pembimbing turut memberi cadangan yang sesuai untuk menyelesaikan masalah murid saya yang dihadapi. Dalam pada itu, penggunaan Objek *Talented* dapat membantu murid dalam meningkatkan minat dan mengukuhkan kefahaman mereka semasa proses PdP dijalankan. Ia akan membawa kesan yang positif kepada pihak sekolah di mana pencapaian murid dapat ditingkatkan di peringkat sekolah.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sama ada penggunaan Objek *Talented* dapat meningkatkan minat dan mengukuhkan kefahaman tiga orang murid Tahun Tiga bagi subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan yang dapat dijawab:

- i. Bagaimanakah penggunaan Objek *Talented* dapat meningkatkan minat tiga orang murid Tahun Tiga bagi subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”?
- ii. Sejauh manakah penggunaan Objek *Talented* dapat membantu tiga orang murid Tahun Tiga menguasai pemahaman terhadap subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”?

PESERTA KAJIAN

Saya telah memilih tiga orang murid Tahun Tiga yang terdiri daripada seorang perempuan dan dua orang lelaki dari sebuah sekolah SJK (C) yang dijadikan peserta kajian saya dalam kajian tindakan ini. Mereka dipilih berdasarkan beberapa kriteria seperti ciri-ciri dan jumlah markah yang diperolehi dalam lembaran kerja oleh murid seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Tahap pencapaian ketiga-tiga orang murid dalam lembaran kerja adalah kurang memuaskan.

Jadual 2

Ciri-ciri dan jumlah markah yang diperolehi dalam lembaran kerja oleh ketiga-tiga orang murid

Murid	Jantina	Umur (Tahun)	Ciri-ciri	Jumlah Markah Yang Diperolehi Dalam Lembaran Kerja
Murid A	Lelaki	9	<ul style="list-style-type: none"> ○ Suka bercakap dengan rakan di sebelah ○ Tidak menumpu perhatian dalam proses PdP ○ Penglibatan diri secara pasif dalam aktiviti pembelajaran 	9/16
Murid B	Lelaki	9	<ul style="list-style-type: none"> ○ Suka bercakap dengan rakan di belakang ○ Tidak menumpu perhatian dalam proses PdP ○ Penglibatan diri secara pasif dalam aktiviti pembelajaran 	7/16
Murid C	Perempuan	9	<ul style="list-style-type: none"> ○ Tidak bersemangat untuk belajar ○ Tidak menumpu perhatian dalam proses PdP ○ Penglibatan diri secara pasif dalam aktiviti pembelajaran 	8/16

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah merujuk kepada model Kemmis dan Mc Taggart (1988) untuk menjalankan kajian tindakan saya bagi menyelesaikan masalah yang timbul oleh murid. Saya telah melaksanakan proses PdP dengan menggunakan Objek *Talented* untuk mengajar subtopik "Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari". Jadual 3 menunjukkan perancangan dan pelaksanaan proses PdP.

Jadual 3

Perancangan dan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran

Langkah-Langkah	Pelaksanaan
1	<ul style="list-style-type: none"> ○ Tentukan hasil pembelajaran ○ Sediakan Objek <i>Talented</i> yang diperlukan
2	<ul style="list-style-type: none"> ○ Jalankan lakonan dengan menumbangkan gelas plastik yang diisi air di atas meja secara sengaja. ○ Kaitkan situasi tersebut dengan subtopik yang diajar iaitu “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”.
3	<ul style="list-style-type: none"> ○ Nyatakan hasil pembelajaran kepada murid ○ Tunjukkan contoh-contoh Objek <i>Talented</i> kepada murid. ○ Murid menjalankan aktiviti demonstrasi dengan menggunakan Objek <i>Talented</i>. ○ Murid menjawab soalan berkaitan bahan buatan dan kegunaan Objek <i>Talented</i> yang ditunjukkan. ○ Slaid <i>powerpoint</i> digunakan untuk menunjukkan kegunaan setiap Objek <i>Talented</i> dalam bentuk perkataan.
4	<ul style="list-style-type: none"> ○ Edarkan lembaran kerja kepada murid. ○ Jalankan sesi temu bual bersama murid semasa waktu rehat

Kaedah Mengumpul Data

Kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengumpul data kajian berdasarkan dua soalan kajian seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4

Kaedah mengumpul data kajian berdasarkan dua soalan kajian

Bil	Soalan Kajian	Kaedah Mengumpul Data
1.	Bagaimanakah penggunaan Objek <i>Talented</i> dapat meningkatkan minat tiga orang murid Tahun Tiga bagi subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”?	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemerhatian ● Nota Lapangan ● Temu bual Murid
2.	Sejauh manakah penggunaan Objek <i>Talented</i> dapat membantu tiga orang murid Tahun Tiga menguasai pemahaman terhadap subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”?	<ul style="list-style-type: none"> ● Lembaran Kerja ● Temu bual Murid

Cara Menganalisis Data

Rakan pengajaran saya dan saya telah menganalisis gambar-gambar yang ditangkap semasa proses PdP supaya saya boleh menginterpretasikan perubahan tingkah laku murid dari aspek minat mereka terhadap subtopik yang diajarkan. Melalui catatan nota lapangan pula, rakan pengajaran saya bersama saya telah menganalisis kandungannya dengan mencari isi-isi penting untuk memudahkan kerja saya bagi menginterpretasikan data berkaitan dengan minat murid.

Selain itu, saya juga menganalisis data kuantitatif yang diperolehi daripada ketepatan jawapan yang diberi oleh ketiga-tiga orang murid dalam lembaran kerja. Lantaran itu, saya juga membuat analisis terhadap hasil temu bual yang dikumpulkan dan mengkategorikan data mengikut tema yang ditetapkan iaitu minat dan kefahaman murid terhadap subtopik yang diajarkan.

Cara Menyemak Data

i. Triangulasi Kaedah

la digunakan untuk mengesahkan data kualitatif yang diperolehi daripada pelbagai kaedah iaitu pemerhatian, nota lapangan, lembaran kerja dan temu bual dengan murid.

ii. Triangulasi Penyelidik

Saya telah meminta bantuan daripada rakan pengajaran saya untuk menangkap gambar dan membuat nota lapangan bagi mencatat tingkah laku murid semasa proses PdP berlangsung. Selain itu, saya juga merujuk kepada komen dan tingkah laku murid yang diberikan oleh rakan pengajaran saya.

iii. Triangulasi Masa

Saya telah mengedarkan lembaran kerja kepada murid sebelum intervensi dijalankan. Lembaran kerja diedarkan sekali lagi selepas intervensi dijalankan dalam masa yang berbeza. Struktur soalan dalam lembaran kerja juga diubahsuai untuk mengelakkan murid menghafal jawapan lembaran kerja yang diedarkan sebelum ini.

DAPATAN KAJIAN

Bagaimanakah penggunaan Objek *Talented* dapat meningkatkan minat tiga orang murid Tahun Tiga bagi subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”?


a) Analisis Data Pemerhatian



Rajah 8. Respons murid A semasa proses PdP berlangsung.



Rajah 9. Respons murid B semasa proses PdP dijalankan



Rajah 10. Respons murid C semasa proses PdP dijalankan

Berdasarkan Rajah 8, 9 dan 10, ia adalah jelas memerhati bahawa ketiga-tiga orang murid telah menunjukkan minat yang tinggi dalam proses PdP sains dengan penggunaan Objek *Talented*. Mereka telah menunjukkan mimik muka yang ceria. Mereka diberi peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti demonstrasi dengan penggunaan Objek *Talented* di dalam kelas.

b) Analisis Data Nota Lapangan

Cikgu Wong telah menggunakan Objek *Talented* di dalam kelas. Murid-murid Tahun Tiga termasuklah peserta kajian telah **menumpu perhatian** dalam proses PdP. Mereka **tidak sabar-sabar untuk** menyentuh Objek *Talented* yang dibawa oleh Cikgu Wong. Mereka mempunyai **sifat ingin tahu yang tinggi** terhadap Objek *Talented* tersebut. Cikgu Wong telah memberi peluang kepada peserta kajian untuk **melibatkan diri dalam aktiviti demonstrasi**. Mereka telah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti tersebut. Ketiga-tiga orang murid mempunyai **semangat yang tinggi** untuk menjalankan aktiviti PdP.

Petunjuk:

Berminat

Rajah 11. Transkrip nota lapangan selepas intervensi dijalankan

Berdasarkan Rajah 11, ia adalah jelas melihat bahawa ketiga-tiga orang murid telah menunjukkan minat yang tinggi selepas penggunaan Objek *Talented* dalam proses PdP bagi subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”. Mereka telah menumpu perhatian, tidak sabar-sabar untuk melibatkan diri dalam aktiviti demonstrasi. Tambahan pula, mereka mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi terhadap Objek *Talented* yang dibawa oleh saya dan menunjukkan semangat yang tinggi dalam aktiviti pembelajaran.

c) Analisis Data Temu Bual Murid

Soalan 1	: Adakah kamu suka akan Objek <i>Talented</i> yang ditunjukkan oleh cikgu?	Catatan
Murid A	: Suka.	
Murid B	: Saya sangat suka Objek <i>Talented</i> .	
Murid C	: Suka.	
Soalan 2	: Mengapa kamu suka akan Objek <i>Talented</i> yang ditunjukkan oleh cikgu?	Suka akan Penggunaan Objek <i>Talented</i>
Murid A	: Saya boleh menyentuh Objek <i>Talented</i> .	
Murid B	: Seronok. Saya boleh bermain dengan Objek <i>Talented</i> .	
Murid C	: Saya tidak berasa bosan. Saya boleh menyentuh Objek <i>Talented</i> .	

Rajah 12. Transkrip temu bual ketiga-tiga orang murid selepas intervensi dijalankan

Berdasarkan Rajah 12, saya telah mengesan bahawa ketiga-tiga orang murid telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap penggunaan Objek *Talented* yang dijalankan di dalam kelas. Ini telah jelas dilihat bahawa penggunaan Objek *Talented* memberi kesan positif kepada murid di mana mereka telah meningkatkan minat terhadap subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”.

Secara ringkasnya, hasil dapatan melalui pemerhatian, nota lapangan dan temu bual dengan murid telah jelas menunjukkan bahawa penggunaan Objek *Talented* dapat meningkatkan minat mereka dalam subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”.

Sejauh manakah penggunaan Objek *Talented* dapat membantu tiga orang murid Tahun Tiga menguasai pemahaman terhadap subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”?

a) Analisis Data Lembaran Kerja



Rajah 13. Hasil lembaran kerja murid B selepas pelaksanaan kajian tindakan saya

Berdasarkan Rajah 13, murid B berupaya menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam lembaran kerja dengan betul. Dia boleh memberi contoh objek dan kegunaannya semasa menjawab soalan 3 dalam bahagian A dan B. Namun, dia telah memberi jawapan yang kurang tepat terhadap kegunaan baju. Dia beranggapan bahawa baju digunakan untuk memakainya sahaja tanpa mengaitkannya kepada aspek penyerapan.

Jadual 5

Markah yang diperolehi oleh ketiga-tiga orang murid Tahun Tiga dalam lembaran kerja yang berasaskan soalan subjektif selepas pelaksanaan kajian tindakan

Murid	Markah		Jumlah Markah
	Bahagian A	Bahagian B	
Murid A	7/8	8/8	15/16
Murid B	7/8	8/8	15/16
Murid C	8/8	8/8	16/16

Berdasarkan Jadual 5, ketiga-tiga orang murid telah memperolehi jumlah markah yang tinggi dalam lembaran kerja yang diedarkan selepas pelaksanaan kajian tindakan saya. Tahap pencapaian mereka adalah memuaskan. Mereka mampu mengaitkan konsep sains yang dipelajari dalam kehidupan seharian selepas penggunaan Objek *Talented* dalam proses PdP.

Jadual 6

Jumlah markah diperolehi oleh ketiga-tiga orang murid dalam lembaran kerja berasaskan soalan subjektif sebelum dan selepas pelaksanaan kajian tindakan

Murid	Jumlah markah sebelum pelaksanaan kajian tindakan	Jumlah markah selepas pelaksanaan kajian tindakan	Peningkatan Markah
Murid A	9/16	15/16	+6
Murid B	7/16	15/16	+8
Murid C	8/16	16/16	+8

Berdasarkan Jadual 6, ketiga-tiga orang murid telah menunjukkan peningkatan pencapaian mereka dalam subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Seharian”. Pelaksanaan kajian tindakan dengan penggunaan Objek *Talented* telah berjaya meningkatkan pencapaian dan mengukuhkan pemahaman konsep sains murid dalam kajian tindakan ini.

b) Analisis Data Temu Bual Murid

Berdasarkan Rajah 15, ia adalah jelas melihat bahawa ketiga-tiga orang murid yang melibatkan diri dalam kajian ini telah mampu menguasai dan memahami konsep sains yang dipelajari bagi subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Seharian”. Mereka boleh menyatakan konsep sains iaitu bahan menyerap air dan bahan kalis air. Tambahan pula, ketiga-tiga orang murid juga dapat memberikan contoh-contoh dan kegunaan yang sesuai berdasarkan konsep sains yang disampaikan.

Soalan 1	: Adakah kamu faham apa yang telah diajar oleh cikgu bagi subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”?
Murid A	: Faham.
Murid B	: Faham.
Murid C	: Saya boleh faham.
Soalan 2	: Senaraikan tiga jenis bahan yang boleh menyerap air.
Murid A	: Kapas, bulu kambing, kertas.
Murid B	: Bulu kambing, kertas dan kapas.
Murid C	: Kertas, kapas, bulu kambing.
Soalan 3	: Apakah objek yang diperbuat daripada bahan-bahan yang disebut tadi?
Murid A	: Kapas bunga, baju, kertas tisu.
Murid B	: Baju, kertas tandas dan stoking.
Murid C	: Kertas tisu, span, baju.
Soalan 4	: Mengapakah objek-objek tersebut penting dalam kehidupan sehari-hari?
Murid A	: Kapas bunga boleh mencuci luka. Baju boleh menyerap peluh. Kertas tisu menggelap kekotoran mulut selepas makan.
Murid B	: Baju menyerap peluh. Kertas tandas digunakan semasa membuang air besar. Stoking boleh menyerap peluh kaki.
Murid C	: Kertas tisu menggelap kekotoran permukaan meja. Span digunakan untuk mencuci kereta. Baju menyerap peluh kita apabila bersukan.
Soalan 5	: Senaraikan tiga bahan yang kalis air.
Murid A	: Plastik, getah, logam.
Murid B	: Logam, plastik, getah.
Murid C	: Plastik, logam dan kaca.
Soalan 6	: Bagaimanakah bahan-bahan tersebut boleh dikaitkan dalam kehidupan sehari-hari?
Murid A	: Beg plastik boleh melindungi kasut saya daripada terkena air. Sarung tangan boleh mengelakkan tangan kita daripada terkena air. Tin aluminimum boleh menyimpan air.
Murid B	: Tin digunakan untuk menyimpan makanan. Gelas plastik boleh menyimpan air. Gelas kaca boleh menyimpan air.
Murid C	: Beg plastik boleh menyimpan beg sekolah saya daripada terkena air apabila hujan. Tin aluminimum boleh menyimpan air. Botol kaca boleh menyimpan makanan.

Rajah 15. Transkrip temu bual yang diberikan oleh ketiga-tiga orang murid selepas intervensi dijalankan

Secara ringkasnya, hasil dapatan melalui lembaran kerja dan temu bual dengan murid telah jelas menunjukkan bahawa penggunaan Objek *Talented* dapat meningkatkan pemahaman konsep mereka dalam subtopik “Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari”.

REFLEKSI

Kesan Terhadap Murid

Penggunaan BBM tersebut dalam proses PdP telah mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Menurut Abdul Rasib Jamian & Hasmah Ismail (2013), pembelajaran yang menyeronokkan amat berkait rapat dengan BBM. Ia telah memberi pengalaman sebenar kepada murid di mana mereka berpeluang untuk menyentuh Objek *Talented* dengan menggunakan deria yang sedia ada.

Lantaran itu, penggunaan Objek *Talented* yang bersifat konkrit telah mengukuhkan kognitif murid untuk mengingat dalam jangka masa panjang sesuatu konsep sains yang disampaikan. Menurut Haji Shaharom Noordin & Nur Faizah Zainal Abiden (n.d.), BBM dianggap sebahagian daripada proses PdP kerana membantu dan mempercepatkan proses pemahaman pelajar yang bersifat abstrak melalui bahan konkrit.

Dalam pada itu, idea dan pemikiran murid juga dapat dijanakan menerusi penggunaan Objek *Talented* tersebut. Pemikiran dan sifat ingin tahu murid meningkat apabila mereka didedahkan kepada bahan-bahan konkrit (Chai, 2012). Murid boleh mengemukakan soalan mengenai apa yang telah dipelajari oleh mereka.

Kesan Terhadap Amalan Kendiri

Melalui kajian yang dijalankan, saya lebih peka terhadap keperluan dan masalah yang berlaku di kalangan murid dalam proses PdP. Setelah masalah pembelajaran murid dikesan, saya telah merancang penyelesaian yang sesuai untuk menambahbaik amalan PdP dengan menggunakan Objek *Talented* dalam subtopik "Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari" bagi membantu meningkatkan minat dan kefahaman ketiga-tiga orang murid dalam proses pembelajaran mereka.

Selain itu, saya juga menyedari bahawa saya tidak seharusnya terikat terhadap sejenis penyampaian isi kandungan sahaja semasa sesi PdP berlangsung di dalam kelas. Menurut Ragbir Kaur (2009), murid-murid mempunyai perbezaan dari aspek kognitif, pencapaian akademik, jantina, gaya pembelajaran, bangsa, budaya dan lain-lain di dalam bilik darjah. Saya perlu prihatin terhadap keperluan murid-murid dan masalah yang timbul untuk membantu mereka dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran mereka. Secara tidak langsungnya, ia telah membantu saya untuk menambahbaik amalan PdP saya di dalam kelas.

Dalam pada itu, saya telah mengadakan perbincangan dengan rakan pengajaran untuk mendapatkan idea dan saling menukar pendapat bagi melaksanakan kajian tindakan dengan jayanya. Pertukaran idea dan pendapat antara satu sama lain dapat meningkatkan kualiti PdP saya. Nilai-nilai murni seperti bertolak ansur, bekerjasama, sikap keterbukaan dapat diwujudkan antara satu sama lain. Menurut Lucas (2010), aktiviti berpasukan dapat memberi kesan yang positif kepada proses pemindahan pengetahuan dalam organisasi.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Kajian tindakan saya dengan penggunaan Objek *Talented* telah berjaya meningkatkan minat dan mengukuhkan kefahaman ketiga-tiga orang murid Tahun Tiga bagi subtopik "Kepentingan Penyerapan Dalam Kehidupan Sehari-hari". Terdapat beberapa cadangan perlu dipertimbangkan jika kajian tindakan seumpama ini dilaksanakan pada masa kelak. Antaranya ialah Objek *Talented* boleh digunakan pada tahap berlainan iaitu tahap rendah (Tahun 1-3) dan tahap tinggi (Tahun 4-6), di

samping ia boleh digunakan dalam topik yang lain. Tambahan pula, ia juga boleh diubahsuaikan dan diaplikasikan ke dalam mata pelajaran yang berlainan.

RUJUKAN

- Abdul Rasib Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-63. Diakses dari: http://journalarticle.ukm.my/6749/1/49-63_Rasid.UPM.pdf
- Aliza Ali & Sharifah Nor Puteh. (2011). Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi bagi Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1-15. Diakses dari: <http://mjs.um.edu.my/index.php/JUKU/article/download/7964/5487>.
- Chai, J.Y. (2012). *Kesan Penggunaan Kaedah "Hands-on" Dalam Proses Pembelajaran Sains Tahun 3*. Diakses dari: <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/SN/14.%20CHAI%20JIA%20YUN.pdf>
- Haji Shaharom Noordin & Nur Faizah Zainal Abiden. (n.d.). *Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Bakal Guru Fizik Semasa Latihan Mengajar*. Diakses dari: http://eprints.utm.my/10259/2/Nur_Faizah_binti_Zainal_Abiden.pdf
- Lucas, L. M. (2010). The role of teams, culture, and capacity in the transfer of organizational practices. *The Learning Organization*, 17(5), 419-436.
- Ragbir Kaur A/P Joginder Sing. (2009). *Panduan Ulangkaji Ilmu Pendidikan Untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Utibe-Abasi S.Stephen. (2016). Effects of Realia and Models Instructional Materials on Academic Performance in Physics among Senior Secondary School Students in Akwa Ibom State, Nigeria. *International Journal Of Educational Benchmark*, 3(1), 45-53. Diakses dari: <https://goo.gl/xq7EGy>